



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2022



eISSN 2811-3802



9772811380008

MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI & KOMUNITI

PROGRAM “PREPARING YOUR BATTLE: GUIDE ON INTERVIEW” MELAHIRKAN GRADUAN PILIHAN MAJIKAN

JAIDA NAJIHAH JAMIDIN, NOOR AISYAH IDRIS, SITI SARAH JANURI,
ZAITUL ANNA MELISA MD YASIN & SITI AISHAH MOHD SHAFIE




Poster Hebahan

Temuduga merupakan satu proses untuk sesebuah majikan menyaring dan menilai calon pekerja yang akan berkhidmat serta menerajui syarikat. Majikan perlu mendapatkan sebanyak mungkin maklumat mengenai pengetahuan, kemahiran dan kebolehan calon. Personaliti calon seperti kematangan dan kejujuran calon juga dapat dilihat melalui proses temuduga ini. Sebagai satu inisiatif bagi membantu pelajar untuk membuat persediaan awal ke alam kerjaya, Persatuan Insight Statistics Seremban 3 (INSTATS3) dengan kerjasama Jawatankuasa Aktiviti Pembangunan Pelajar Pusat Pengajian Statistik dan Sains Pemutusan, FSKM UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban telah berjaya mengadakan webinar bertajuk "Preparing Your Battle: Guide on Interview" yang telah diadakan pada 23 Jun 2022 melalui platform Google Meet.


Penceramah yang dijemput khas bagi webinar ini adalah Puan Nurul Syuhada binti Ahmad Tajodin yang juga merupakan alumni Universiti Teknologi MARA. Beliau merupakan Pengurus Sumber Manusia di Nutrition Technologies Sendirian Berhad. Beliau yang merupakan penerima pekerja terbaik "Payroll Accuracy" juga telah berjaya mengurangkan ketidakhadiran pekerja di syarikat pada tahun 2020 dan berjaya menggabungkan syarikat mengikut "License Manufacturing Warehouse" piawaian oleh Kastam Diraja Malaysia dari tahun 2015 hingga 2017. Pengalaman beliau di dalam bidang sumber manusia sangat berharga untuk dikongsi bersama pelajar.

Sesi webinar yang berlangsung selama lebih kurang dua jam ini banyak memberi pengetahuan kepada pelajar tentang persediaan sebelum menghadiri sesi temuduga. Antara intipati yang dikongsikan oleh Puan Nurul Syuhada adalah ianya bermula dengan persiapan resume yang baik akan meningkatkan prospektif majikan dalam mempertimbangkan calon untuk dipanggil ke sesi temuduga. Resume yang baik memerlukan beberapa maklumat penting yang perlu dinyatakan supaya pihak penemuduga boleh mencari kekuatan calon seperti gambar calon yang jelas, biodata calon, latar belakang pendidikan, pengalaman kerja yang diperolehi serta kemahiran dan pencapaian yang dimiliki.

Beliau juga menerangkan bahawa perlu adanya seseorang sebagai rujukan dinyatakan di dalam resume dan ianya haruslah seseorang yang mengenali calon serta mudah untuk dihubungi. Semua maklumat ini hendaklah disusun dengan ringkas supaya lebih mudah difahami oleh pihak yang meneliti resume tersebut. Selain itu, beliau juga menggalakkan supaya semua maklumat ini boleh di letakkan di LinkedIn sebagai tambahan nilai pada diri calon. LinkedIn merupakan satu platform dan rangkaian profesional yang terbesar di alam maya. Warga universiti dan alumni boleh menggunakan LinkedIn untuk pencarian kerja dalam bidang yang sesuai dan juga untuk menjalani latihan industri kelak. Di samping itu juga, platform ini penting untuk seseorang individu mengukuhkan hubungan profesional dan juga sebagai tempat untuk mempelajari kemahiran yang diperlukan di dalam kerjaya.



Sesi Perkongsian



Sesi Soal Jawab

Puan Nurul Syuhada kemudian menerangkan bahawa persediaan dokumen yang lengkap sebelum menghadiri sesi temuduga amatlah membantu calon menghadapi hari temuduga dengan tenang. Calon dinasihatkan untuk hadir ke sesi temuduga 30 minit lebih awal kerana kebiasaannya terdapat beberapa borang atau dokumen yang perlu dilengkapkan oleh calon. Ini juga mempamerkan imej yang positif terhadap syarikat. Beliau juga menegaskan mengenai penampilan calon yang mana ianya adalah antara aspek yang sangat penting agar penemuduga yakin bahawa calon adalah yang paling sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan. Pakaian hendaklah tidak menjolok mata dan kemas, warna pakaian yang dipilih tidak terlalu terang serta tidak mengenakan alat solek yang terlalu berlebihan adalah beberapa tips penampilan yang dikongsi oleh Puan Nurul Syuhada.

Beliau juga mecadangkan agar calon untuk membuat carian awal berkenaan syarikat sebelum hadir ke sesi temuduga kerana tidak mustahil ketika sesi temuduga calon akan ditanya berkenaan operasi yang dijalankan oleh syarikat. Tambahan lagi, di akhir sesi temuduga, calon dinasihatkan untuk bertanya beberapa soalan yang sesuai agar pihak penemuduga dapat melihat kesungguhan calon untuk bekerja di syarikat tersebut. Akhir kata, apabila selesai sesi temuduga, Puan Nurul Syuhada menggalakkan agar calon menghantar emel bertujuan mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi sebagai calon bagi sesi temuduga lepas. Ini juga adalah sebagai tindakan susulan untuk bertanya pada syarikat adakah calon diterima sebagai pekerja. Hal ini dapat membantu calon untuk terus mencari peluang pekerjaan lain jika kekosongan jawatan tersebut telah dipenuhi. Beliau juga menekankan supaya calon mempraktikkan cara berkomunikasi dan berinteraksi di dalam emel dengan cara yang sesuai.

Kesimpulannya, penganjuran webinar ini perlu diteruskan pada masa hadapan kerana ianya telah berjaya menambah pengetahuan warga universiti khususnya para pelajar tahun akhir dalam persediaan temuduga yang bakal dialami sebelum menceburi bidang kerjaya yang diinginkan. Selain itu juga, warga universiti dapat mengaplikasi ilmu-ilmu yang diterima dan menjadi orang yang lebih bersedia menempuh cabaran dan dugaan. Diharapkan agar webinar ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga universiti yang menghadiri program ini terutamanya pelajar akhir tahun yang bakal mengikuti latihan industri pada masa yang terdekat. Segala proses penambahbaikan akan dilaksanakan oleh penganjur untuk memastikan program ini dapat dijayakan dengan sempurna dan berkemungkinan diadakan secara fizikal pada masa akan datang.